



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

POLITEKNIK
MALAYSIA
METRO BETONG SARAWAK

BULETIN SUARA SADOK 2024

EDISI KE-5

"Sinar Sadok: Inspirasi Tanpa Henti"



adminpmbs@pmbs.edu.my



<https://www.pmbs.edu.my>

SUARA SADOK

Edisi Kelima, 2024

Copyright © Politeknik METrO Betong Sarawak
e ISSN: 2735-1793

Diterbitkan oleh:

Politeknik METrO Betong Sarawak

1-12, Fasa 2, Bandar Baru Betong
Jalan Baru Betong,
95700, Betong, Sarawak

Isi Kandungan

Prakata Pengarah	1
Pena Ketua Editor	2
Visi dan Misi	3
Sejarah PMBS	4
Selamat Datang	5
Sorotan Aktiviti 2024	8
Pencapaian dan Anugerah	39
Semarak Budi Kenangan Abadi	49
Inspirasi Ilmiah	53
Sidang Redaksi	66
Hebahan	

Prakata Pengarah

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

Syukur kepada Tuhan kerana kita diberi peluang untuk terus melangkah dengan penuh inspirasi dan komitmen dalam menjayakan penerbitan e-Buletin Suara Sadok Edisi Kelima. Dengan tema "**Sinar Sadok: Inspirasi Tanpa Henti**", e-buletin ini menjadi simbol semangat, pencapaian, dan dedikasi seluruh warga Politeknik METrO Betong Sarawak.

Tahun 2024 menyaksikan pelbagai kejayaan, aktiviti, dan program bermakna yang bukan sahaja memperkukuh kecemerlangan institusi, tetapi juga menanam inspirasi kepada pelajar, staf dan komuniti setempat. Setiap halaman yang dirakamkan di sini menggambarkan usaha gigih dalam mendukung misi dan visi politeknik, iaitu melahirkan graduan berkualiti tinggi yang kompeten, inovatif, dan berdaya saing.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pasukan editorial dan jawatankuasa Suara Sadok yang telah bekerja keras dalam memastikan penerbitan e-buletin ini berjaya dengan cemerlang. Anda semua adalah pencetus inspirasi yang sebenar, yang terus menyinari perjalanan Politeknik METrO Betong. Semoga Buletin Suara Sadok Edisi Kelima ini menjadi platform untuk semua warga politeknik mengenang pencapaian, mengukuhkan nilai inspirasi, dan terus berusaha menuju kejayaan yang lebih gemilang pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

Pengarah
Ts. Shirley Anak Phillip



Pena Ketua Editor

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

Syukur ke hadrat Ilahi atas limpah dan rahmat-Nya, Buletin Suara Sadok Edisi Kelima berjaya diterbitkan dengan tema yang begitu bermakna, "**Sinar Sadok: Inspirasi Tanpa Henti**". Tema ini bukan sahaja mencerminkan semangat yang membara dalam kalangan warga Politeknik METrO Betong, malah menjadi simbol aspirasi dan dedikasi kami untuk terus melakar kejayaan.

Setiap halaman dalam e-buletin ini dirangkai dengan penuh teliti bagi menampilkan pencapaian, program, dan aktiviti sepanjang tahun 2024. Tidak ketinggalan, ruang untuk kreativiti dan suara warga politeknik turut disediakan, bagi memastikan Suara Sadok benar-benar menjadi cerminan kepada inspirasi dan usaha kolektif kita semua.

Sebagai Ketua Editor, saya amat berterima kasih kepada seluruh pasukan editorial dan jawatankuasa Suara Sadok, yang telah berusaha tanpa mengenal lelah untuk memastikan kualiti dan kelancaran penerbitan ini. Tanpa semangat kerjasama dan dedikasi anda semua, majalah ini tidak akan menjadi kenyataan. Akhir kata, semoga Buletin Suara Sadok Edisi Kelima menjadi sumber inspirasi, motivasi, dan kebanggaan kepadasemua pembaca, terutamanya warga Politeknik METrO Betong. Mari kita terus melangkah ke hadapan dengan iltizam untuk mencapai kecemerlangan yang lebih gemilang pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

Ketua Editor
Emirudziawati Binti Juni



VISI

MENJADI PENERAJU INSTITUSI TVET YANG UNGGUL

MISI

- ✓ **MENYEDIAKAN AKSES YANG MELUAS KEPADA PROGRAM TVET BERKUALITI DAN DIKTIRAF**
- ✓ **MEMPERKASA KOMUNITI MELALUI PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT**
- ✓ **MELAHIRKAN GRADUAN HOLISTIK, BERCIRI KEUSAHAWANAN DAN SEIMBANG**
- ✓ **MEMANFAATKAN SEPENUHNYA PERKONGSIAN PINTAR DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN**



Sejarah PMBS

Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS) telah mula beroperasi pada bulan November 2012 dengan bilangan staf seramai 18 orang. Walaubagaimana pun, operasi sementara berpusat di Kampus Politeknik Kuching, Sarawak, Jalan Matang sehingga 19 Februari 2013 sebelum berpindah ke kampus tetap di Betong dan telah memulakan pengambilan pertama pelajar pada Jun 2013.

PMBS merupakan sebuah institusi pendidikan dan latihan bagi memenuhi keperluan sosio ekonomi tempatan dan wilayah dalam bidang tertentu terutamanya bagi keperluan sektor perkhidmatan yang semakin meningkat, sama ada pada peringkat industri kecil dan sederhana (IKS) mahupun syarikat multi-nasional.

Penubuhan Politeknik METrO Betong Sarawak adalah seiring dengan agenda transformasi negara iaitu meningkatkan daya saing melalui pembangunan ekonomi berpendapatan tinggi terutamanya dalam aspek menjana modal insan yang serba boleh dan mampu berubah dalam persekitaran pasaran kerja yang dinamik. Sasaran utama pelajar di Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS) adalah lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) serta golongan pekerja (*working adults*) yang ingin meningkatkan kemahiran melalui program *upskilling* dan *reskilling*. Pembelajaran di PMBS mengutamakan pendekatan *Online Virtual and Distance Learning* (OVDL) sebagai sebahagian daripada kerangka *e-Learning*. Tenaga pengajarnya terdiri daripada individu yang berpengalaman luas dalam industri, memastikan pengajaran berkualiti dan relevan dengan keperluan semasa.

PMBS mempunyai dua jabatan akademik utama, iaitu Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti serta Jabatan Perdagangan, dan disokong oleh Unit Pengajian Am. PMBS kini menawarkan program Diploma Kewangan dan Diploma Pengurusan Pelancongan yang direka untuk memenuhi keperluan pasaran kerja dan aspirasi pelajar.



**SELAMAT
DATANG**





KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



POLITEKNIK
MALAYSIA
METERONG SARAWAK

Tahniah & Selamat Datang

TS. SHIRLEY ANAK PHILLIP

ATAS PELANTIKAN SEBAGAI
PENGARAH
POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK
BERKUATKUASA 28 JUN 2024

Ikhtisap daripada

Seluruh Warga Politeknik METrO Betong Sarawak







<https://www.pmb.edu.my/v3/>
[politeknikmetrobetongsarawak](#)
[Politeknik METrO Betong Sarawak](#)
[PolyMETrO Betong Sarawak](#)
[politeknikmetrobetong](#)
013-472676
083-472951



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



POLITEKNIK
MALAYSIA
METERONG SARAWAK

SELAMAT DATANG

ENCIK ARIFF SHAFIQ BIN HAMIDI

Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi

Selamat Bertugas

DI

Politeknik METrO Betong Sarawak

Daripada,

Seluruh Warga

Politeknik METrO Betong Sarawak







<https://www.pmb.edu.my/v3/>
[politeknikmetrobetongsarawak](#)
[Politeknik METrO Betong Sarawak](#)
[PolyMETrO Betong Sarawak](#)
[politeknikmetrobetong](#)
013-472676
083-472951






KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

SELAMAT DATANG

ENCIK ABANG ABDUL MUIZZ BIN ABDUL RAHMAN
Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi

Selamat Bertugas
DI
Politeknik METrO Betong Sarawak

Daripada,
Seluruh Warga
Politeknik METrO Betong Sarawak







<https://www.pmb.edu.my/v3/>

 [politeknikmetrotongsarawak](#)
 [Politeknik METrO Betong Sarawak](#)
 [PolyMETrO Betong Sarawak](#)
 [politeknikmetrotong](#)

 083-472676
  083-472991




KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

SELAMAT DATANG

ENCIK JAIDIL BIN DARAPA
Pembantu Operasi

Selamat Bertugas
DI
Politeknik METrO Betong Sarawak

Daripada,
Seluruh Warga
Politeknik METrO Betong Sarawak







<https://www.pmb.edu.my>


 [politeknikmetrotongsarawak](#)
 [Politeknik METrO Betong Sarawak](#)
 [PolyMETrO Betong Sarawak](#)
 [politeknikmetrotong](#)

 083-47267
  083-472991





SOROTAN AKTIVITI 2024



JANUARI



LATIHAN PENGOSONGAN BANGUNAN PMBS | 8 JANUARI 2024

Program ini merupakan program pertama anjuran Jawatankuasa Kesihatan & Keselamatan Pekerja (JKKP) Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS) dengan kerjasama pihak Balai Bomba dan Penyelamat Betong yang telah melibatkan 10 orang pegawai dan 2 jentera Bomba. Program dimulakan dengan simulasi kecemasan kebakaran di kawasan bangunan PMBS dan seterusnya taklimat ringkas berkenaan kawalan kecemasan serta tatacara penggunaan alat pemadam api dengan betul.



MAJLIS LANDASAN HALA TUJU KEMENTERIAN TINGGI | 12 JANUARI 2024

Majlis Landasan Hala Tuju Kementerian Pendidikan Tinggi Tahun 2024 yang disempurnakan oleh YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambray Abd Kadir, Menteri Pendidikan Tinggi. Amat penting bagi warga institusi pendidikan dan para pendidik khususnya, untuk sama-sama menghayati mesej ini agar kita dapat bersama-sama cakna dengan ideologi pendidikan negara.

PERHIMPUNAN STAF SIRI 1 POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK (PMBS) 16 JANUARI 2024

Perhimpunan ini dimulakan dengan ucapan amanat dari pengarah PMBS, Encik Suhaili Aleh, diikuti dengan penyerahan tugas dan portfolio kepada Ketua Unit dan penghargaan Anugerah Pekerja Contoh Bulanan. Pengarah, dalam ucapan amanatnya menegaskan lima fokus utama KPT dan berharap keseluruhan warga PMBS dapat mengembeling tenaga bagi mencapai fokus-fokus terbabit.





MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN 2023 | 22 JANUARI 2024

Intipati mesyuarat ini adalah bertujuan untuk mengkaji semula pengurusan dan pengoperasian institusi PMBS sepanjang 2023 dan membincangkan penambahbaikan yang boleh di buat bagi memantapkan lagi pengurusan pengoperasian institusi pada tahun 2024.

Syabas dan tahniah juga diucapkan kepada semua unit yang telah berjaya mencapai KPI institusi pada tahun 2023 dan diharap PMBS terus cemerlang untuk mencapai KPI 2024 yang telah ditetapkan.



PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SESI II 2023/2024 | 29 JANUARI 2024

Pendaftaran pelajar baharu telah dijalankan dengan jayanya. Selamat datang diucapkan kepada pelajar semua dan selamat mencipta kenangan yang indah di Politeknik selaku peneraju industri tvet yang utama di Malaysia.

MINGGU TRANSFORMASI SISWA DAN MAJLIS PENUTUPAN MINGGU TRANSFORMASI SISWA SESI II 2023/2024 30 JANUARI - 01 FEBRUARI 2024

Seramai 29 orang pelajar semester 1 bagi program Diploma Pengurusan Pelancongan dan Diploma Kewangan telah tamat menjalani Minggu Transformasi Siswazah. Majlis penutup yang turut di hadiri oleh pengurusan tertinggi PMBS ini telah berlangsung dengan jayanya. Setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih diucapkan juga kepada semua agensi yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam menjayakan program







BENGKEL PENGUKUHAN ORGANISASI PMBS | 2-4 FEBRUARI 2024

Program Bengkel Pengukuhan Organisasi PMBS di mana bengkel ini di anjurkan bagi mengukuhkan semangat kerjasama di samping memupuk kepimpinan di kalangan warga PMBS bagi terus mencapai kecemerlangan di dalam sistem pengoperasiannya secara menyeluruh.



KURSUS ASAS PEMERIKSAAN KENDERAAN DARI JURUTEKNIK PERODUA | 9 FEBRUARI 2024

Kursus ini bertujuan bagi memberikan pendedahan asas kepada staf tentang kepentingan pemeriksaan asas kenderaan sebelum memulakan perjalanan. Seramai 40 orang staf telah menyertai dan diberi pendedahan tentang kepentingan pemeriksaan kenderaan oleh pihak Perodua. Peserta juga terus diberi latihan amali .Terima kasih diucapkan kepada wakil Pusat Jualan Perodua yang dikendalikan oleh Puan Asmara (Pengurus Jualan Perodua cawangan Betong) bersama Encik Jelimin.

BENGKEL PEMERKASAAN CIDOS LMS 2024 | 13 FEBRUARI 2024

Bengkel Pemerkasaan CIDOS LMS 2024 bersama Encik Roshaizul Nizam bin Mohd Sani jemputan khas daripada Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin. Bengkel ini dijalankan bagi memperkasakan para pensyarah Politeknik METrO Betong Sarawak dengan tatacara penggunaan platform CIDOS LMS yang baharu.





CERAMAH ISRAK MIKRAJ PERINGKAT PMBS | 15 FEBRUARI 2024

Warga PMBS bersama-sama solat berjemaah dan menghayati ceramah tentang Isra' Mikraj anjuran Kelab Rakan Surau PMBS bersama Sahabat Belia Hikmah Sarawak. Ceramah tersebut telah disampaikan oleh Al Fadhil Ustaz Muhammad Nasrullah bin Zainal Abidin yang juga merupakan Pegawai Belia Hikmah Kuching Sarawak. Tajuk ceramah adalah "Sirah yang penuh makna".



SIMPOSIUM KECEMERLANGAN AKADEMIK | 22 FEBRUARI 2024

Tujuan untuk perkongsian para pensyarah PMBS tentang kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dipraktikkan oleh pensyarah-pensyarah PMBS.

Program yang disertai para pensyarah PMBS dari Diploma Pengurusan Pelancongan dan Diploma Kewangan dan Perbankan ini berkongsi mengenai kaedah pengajaran yang mereka jalankan di dalam kelas di samping membincangkan mengenai penambahbaikan yang boleh dikongsi bagi memantapkan kaedah pengajaran pensyarah-pensyarah PMBS.

KURSUS PAYROLL AUTOCOUNT | 26- 28 FEBRUARI 2024

Pihak pengurusan dan warga PMBS mengucapkan ribuan terima kasih kepada penceramah; iaitu En, Nazzei Maznor Tohar, Encik Chen Ong Lu dan En Giam Wai Kit kerana telah memberikan pendedahan kepada pelajar PMBS tentang penggunaan perisian Autocount terutamanya bagi proses pengiraan dan pemotongan gaji





KUNJUNGAN RASMI POLITEKNIK METRO BETONG SARAWAK KE ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM) NEGERI SARAWAK | 29 FEBRUARI 2024

Kunjungan yang diketuai oleh Ketua Jabatan Sokongan Akademik, Puan Emirudziawati Binti Juni, Ketua Unit Sukan, Ko-Kurikulum dan Kebudayaan, Encik Muhammad Khairul Mukmin bin Ahmad Muhaimin serta Puan Imelda Richard Fuchau selaku Pegawai Latihan dan Pendidikan Lanjutan, telah disambut oleh Yang Setia Penolong Pesuruhjaya Pertahanan Awam Mohtar bin Samat, Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Negeri Sarawak, Yang Berusaha Leftenan Kolonel Pertahanan Awam Raja Muhammad Alhakim bin Raja Jaafar @ Raja Yaakub, Timbalan Pengarah Angkatan Pertahanan Awam Negeri Sarawak serta barisan Ketua-Ketua Cawangan Angkatan Pertahanan Awam Negeri Sarawak.

Matlamat lawatan rasmi ini adalah untuk mengukuhkan hubungan sebagai rakan industri, berkongsi sorotan kerjasama yang dilaksanakan dari tahun 2021 hingga 2024, serta membincangkan aktiviti mahupun program lain yang boleh dilaksanakan bersama di masa hadapan.

PEMBENTANGAN KERTAS CADANGAN BAGI SUBJEK DTM50174 TOURISM PROJECT PELAJAR DIPLOMA PENGURUSAN PELANCONGAN (DUP) | 29 FEBRUARI 2024

Kursus ini mendedahkan pelajar dengan ilmu penulisan akademik yang betul di samping menguji kreativiti pelajar untuk mencipta dan mengolah produk pelancongan bagi memberikan impak baru di dalam industri pelancongan.

Para pelajar akan membentangkan kertas cadangan produk mereka. Melalui pembentangan ini, pelajar akan menunjukkan kemahiran pembentangan mereka untuk memikat hati juri bagi menerima kertas cadangan produk yang akan mereka bangunkan.





MAC



TARAWIKH MALAM 1 RAMADHAN 14445 H | 12 MAC 2024

Solat tarawikh bagi malam pertama Ramadhan di Surau Politeknik METrO Betong Sarawak. Program solat Tarawikh ini merupakan salah satu intipati program Ahlan Wa Sahlan Ramadhan Al Mubarak 1445 H. Warga PMBS bertadurus bersama bagi memberkati bulan Ramadhan yang tiba. Diharap program seperti ini akan terus disemarakkan di Politeknik METrO Sarawak agar dapat membentuk rohaniah pelajar yang mantap di samping beribadat sepanjang bulan Ramadhan.



KURSUS PSH E-FILING WARGA PMBS | 15 MAC 2024

Kursus Peningkatan Kemahiran Penggunaan Aplikasi STAMPS LHDN telah dijalankan di PMBS. Kursus ini dilaksanakan bagi peserta yang ingin memperkukuhkan kemahiran mereka dalam menggunakan aplikasi STAMPS LHDN untuk tujuan pengiraan dan pembayaran duti setem kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN). Terima kasih kepada penceramah Encik Mcken Lot (Eksekutif Hasil) dibantu oleh Encik Mohd Azizul Arfan (Pembantu Hasil) di atas perkongsian yang sangat membantu kesemua pelajar

BEAUTY SHARING SESSION | 14 MAC 2024

Program ini bertujuan memberi peluang kepada pelajar untuk meningkatkan kemahiran, daya saing dan memperluaskan pengetahuan tentang produk Avon dalam penjagaan diri serta memberikan peluang baru kepada pelajar untuk menjana pendapatan tambahan tanpa mengganggu rutin harian. Terima kasih diucapkan kepada penceramah Puan Mary Glana, Avon Business Development Manager.





KURSUS PENGURUSAN E-FILING LHDN | 15 MAC 2024

Kursus ini bertujuan untuk memberi peserta peluang mempelajari cara mengisi borang E-Filing dengan tepat dan lebih mudah difahami. Peserta akan diberikan ruang untuk bertanya soalan bagi meningkatkan pemahaman mereka dalam pengisian E-Filing. Kursus ini telah disampaikan oleh Pegawai Perhubungan Awam LHDN Encik Simon Kane anak Kibes.



PROGRAM PEMBERIAN PRAKTIKAL KURMA DI PMBS | 21 MAC 2024

Lawatan daripada sebuah pusat Pendidikan Awal Kanak-Kanak di Betong telah dijalankan di PMBS. Pusat Pendidikan tersebut berbesar hati untuk memilih PMBS sebagai tempat memberikan latihan praktikal kepada pelajar mereka dengan memberikan buah kurma kepada warga PMBS.

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOPERASI PMBS BERHAD KALI KE 8 | 26 MAC 2024

Telah di rasmikan oleh En Mohd Shahrir bin Ahmad Zaini. Pengerusi koperasi membentangkan 14 agenda yang perlu ahli koperasi pertimbang dan meluluskan. Antara agenda yang di bentangkan adalah, Akaun Untung Rugi, Pindaan Undang- Undang Kecil, belanjawan 2024 serta usul koperasi. Pengerusi telah mengumumkan kadar dividen iaitu 4%.Seramai 145 ahli koperasi yang hadir telah mempersetujui semua agenda yang telah dibentangkan.





PROGRAM BUBUR LAMBUK 2024 ANJURAN JPH PMBS | 27 MAC 2024

Encik Muhammad Syafiq bin Jamaluddin dari Kolej Komuniti Betong, selaku penceramah jemputan program PSH ini memulakan majlis dengan penerangan berkenaan bubur lambuk, bahan-bahan yang diperlukan serta tatacara pemotongan yang betul bagi pembuatan bubur lambuk ini. Seramai 125 peserta telah mengambil bahagian dan telah berjaya menghasilkan 425 bekas bubur lambuk yang kemudiannya diagihkan kepada rakan kolaborasi PMBS dan agensi di sekitar bandar Betong.



PERBINCANGAN PROGRAM PENANAMAN POKOK DI HUTAN SIMPAN SABAL, SIMUNJAN | 27 MAC 2024

Rancangan program kolaborasi di antara Politeknik METrO Betong Sarawak, Kolej Komuniti Mas Gading, UNIMAS dan SMK Penrissen dengan bantuan dan sokongan Jabatan Perhutanan Negeri Sarawak ini merupakan salah sebuah program di bawah Progam Penghijauan Malaysia Melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok di bawah kelolaan Jabatan Perhutanan Negeri Sarawak.

MAJLIS BERBUKA PUASA & KHATAMAL AL-QURAN PMBS | 27 MAC 2024

Majlis dimulakan dengan Khatamal al-Quran yang diketuai oleh Ustaz Abang Abdul Muiz. Kemudian, Majlis diteruskan dengan penyampaian hadiah bagi program yang telah dijalankan sempena Ihya Ramadan iaitu Kuiz Ramadan. Dalam masa yang sama, ikon Ramadan telah dinobatkan kepada beberapa orang pelajar yang begitu komited dan kehadiran yang cemerlang dalam menyertai tadarus dan tarawih yang telah dianjurkan oleh PMBS sepanjang Ramadan.





APRIL



LAWATAN AKADEMIK DIPLOMA PENGURUSAN PELANCONGAN | 23 - 26 APRIL 2024

Pelajar semester 2 jurusan Diploma Pengurusan Pelancongan telah mengadakan lawatan ke beberapa tempat di sekitar Kuala Lumpur. Pelajar juga didedahkan dengan teknik penyampaian komentari oleh pemandu pelancong yang berlesen. Antara kawasan yang dilawat ialah Forest Research Institution Malaysia (FRIM), Malaysia Tourism Centre (MATIC), Putrajaya Mosque dan banyak lagi tempat-tempat menarik.



EKSPEDISI PELANCONGAN KE PULAU PINANG DAN PULAU LANGKAWI | 20 - 24 April 2024

Pelajar Semester 4 jurusan Diploma Pengurusan Pelancongan bagi sesi II:2023/2024. Subjek DTM40144 Tourism Expedition ini menerapkan ilmu pengetahuan dalam merancang, menyusun dan mengendalikan ekspedisi secara professional. Subjek ini juga memupuk semangat dan ciri-ciri kepimpinan dan semangat berpasukan di dalam menyediakan, mengurus, dan melaksanakan ekspedisi pelancongan, yang mana ilmu ini adalah praktikal untuk persediaan mereka melangkah ke alam pekerjaan.



LAWATAN SEKITAR BANDARAYA KUCHING | 23 APRIL 2024

Seramai 58 orang pelajar semester 02 dan pensyarah Diploma Pelancongan telah mengadakan Lawatan di sekitar Bandaraya Kuching bagi Kursus DTM20223 Tourism Transportation. Lawatan ini memberi pengalaman kepada para pelajar bagi merasai sendiri pengangkutan yang ada di sekitar Kuching dan bagaimana pengangkutan tersebut beroperasi sebagai sokongan kepada bidang pelancongan.

PROGRAM BETONG TOURISM FOR INDIGENOUS PEOPLE | 26 - 28 APRIL 2024

Program Betong Tourism For Indigenous People di RH Nanga Mujau Spak, Betong ini dianjurkan oleh pelajar DUP5A, Diploma pengurusan Pelancongan di bawah subjek Sustainable Tourism. Ianya dirasmikan oleh Residen Bahagian Betong iaitu Tuan Richard Anak Micheal Abu Nawas. Program ini untuk bertujuan untuk mendidik komuniti RH Nanga Mujau tentang pengoperasian homestay dan juga mengkaji kemampanan dan kelestarian produk pelancongan yang ada di Nanga Mujau.



KURSUS TALI TINGGI BERSAMA JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT BETONG | 29 - 30 APRIL 2024

Seramai 56 orang pelajar telah menjalani kursus tali tinggi bersama pihak Bomba dan Penyelamat Bahagian Betong. Pelajar telah didedahkan dengan modul ikatan simpulan, penyediaan penambat untuk aktiviti abseiling, penggulungan dan pemindahan tali serta praktikal ascending-descending.



MEI



Program penanaman pokok anjuran bersama Jabatan Hutan Sarawak (JHS), Kolej Komuniti Mas Gading (KKMG) dan Institute of Landscape Architects Malaysia (ILAM) yang telah diadakan di Hutan Simpan Sabal. Program ini adalah bagi menyokong Kempen Penanaman 100 Juta Pokok dan Greening Sarawak Campaign yang sedang giat dijalankan oleh JHS pada masa ini . Sebanyak 1500 anak pokok asli seperti Lun daun tebal (*Shorea subcylindrica*), Selangan batu pinang (*Shorea havilandii*), Meranti tangkai panjang (*Shorea venulosa*), Meranti melantai (*Shorea macroptera*) dan lain-lain telah berjaya di tanam.

SESI LIBAT URUS PEMANTAUAN PROJEK FIZIKAL BERSAMA TIMBALAN KETUA PENGARAH JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI | 09 MEI 2024



Lawatan beberapa tapak cadangan bagi perancangan Kampus baru Politeknik Betong Sarawak oleh Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan) Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Yang Berusaha Ts. Haji Muhamad Rumzi Bin Mamat dan seterusnya mesyuarat bagi membincangkan hala tuju bagi Politeknik METrO Betong Sarawak di masa hadapan. Kemuncak bagi program ini, ialah amanat daripada Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan) kepada warga Politeknik METrO Betong Sarawak, warga Kolej Komuniti Betong Sarawak dan para pelajar dari kedua-dua institusi.


AUDIT DALAMAN EOMS | 07 - 10 MEI 2024

Audit ini juga dijalankan bagi memastikan keseluruhan warga Politeknik METrO Betong Sarawak dapat memberikan servis yang lebih mantap kepada pelanggan-pelanggannya di dalam menawarkan sistem pendidikan TVET yang berkualiti. Jutaan terima kasih diucapkan kepada Unit Jaminan Kualiti dari Politeknik Mukah Sarawak yang diketuai oleh Puan Hasnah Binti Ngah, Ketua Unit Jaminan Kualiti Politeknik Mukah Sarawak kerana sudi meluangkan masa dan berkongsi ilmu tentang proses-proses kerja.



SESI PEMANTAUAN DAN PENILAIAN LATIHAN INDUSTRI | 10 MEI 2024

Sesi Pemantauan dan Penilaian Latihan Industri oleh para pensyarah kepada pelajar Semester 6 bagi Sesi II: 2023/2024 yang telah diadakan secara hibrid. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada penyelia-penyelia pelajar yang telah terlibat dalam sesi penilaian.



COMMERCE WEEK | 13 MEI 2024

Commerce Week ini memberikan pendedahan kepada pelajar DKB4A & DKB5A tentang institusi perbankan dan peranan bank pembangunan kepada komuniti setempat. Perkongsian ini disampaikan oleh Puan Margaret Cheremie Anak Gombang (Agrobank) dan Puan Sh Noorfanizan Bt Wan Mohd Arbi (Bank Rakyat).



SESI MOCK INTERVIEW BERSAMA PIHAK INDUSTRI | 15 MEI 2024

Turut serta dari pihak industri merupakan alumni PMBS iaitu yang mewakili Greenery Borneo Travel & Tours, Kuching. Selain itu, mereka juga ditemani oleh wakil dari agensi lain seperti PERKESO Sri Aman bersama-sama wakil dari SMK St. Augustine, Betong. Sesi Mock Interview dan perkongsian industri ini, diadakan bersempena dengan Minggu Keusahawanan PMBS, merupakan hasil kerjasama Unit Pengajian Am (Bahasa Inggeris) bersama Unit Perhubungan dan Latihan Industri (UPLI) PMBS.

KURSUS PSH ASAS NGAJAT IBAN SIRI 1 & 2 | 03 Mei - 16 Mei 2024

Tahniah diucapkan kepada semua peserta yang telah mengikuti dengan jayanya Kursus PSH Asas Ngajat Iban Siri 1 & 2 yang berlangsung selama 2 minggu ini. Semoga ilmu dan kemahiran yang diperoleh sepanjang kursus ini akan memberi manfaat kepada setiap peserta dalam menghargai dan menghayati keindahan serta warisan budaya Ngajat Iban. Semoga kita dapat bertemu lagi dalam kursus PSH anjuran Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan PMBS pada masa akan datang.



PROGRAM SEMARAK HARI BELIA NEGARA | 15 MEI 2024

Program Semarak Hari Belia Negara di Seri Metro Gemilang, Politeknik METrO Betong Sarawak. Majlis dimulakan dengan bacaan ikrar sempena Hari Belia Negara dan selepas itu program diteruskan dengan sesi perkongsian perniagaan oleh Puan Siti Khairiah Binti Kad Rusman pemilik Kyarabakes mengenai pengalaman beliau membuat perniagaan bakeri.



MAJLIS RAMAH TAMAH AIDILFITRI DAN PRA GAWAI DAYAK | 17 MEI 2024


Program Majlis Ramah Tamah Aidilfitri dan Pra-Gawai Dayak ini amat bermakna bagi semua warga PMBS kerana ianya merupakan satu landasan bagi penyampaian maklumat yang lebih jelas kepada seluruh warga institusi. Selain itu, dengan penganjuran program ini juga, ia juga mendukung pembentukan sahsiah dan peribadi yang jitu di dalam mengamati nilai-nilai saling hormat-menghormati dalam kalangan warga PMBS.



MAJLIS APRESIASI PELAJAR SEMESTER 5 SESI 2: 2023/2024 | 20 MEI 2024

Majlis Apresiasi Pelajar yang melibatkan pelajar Semester 5 Sesi 2: 2023/2024 Diploma Pengurusan Pelancongan dan Diploma Kewangan dan Perbankan yang berlansung di Sri Metro Gemilang, beberapa anugerah yang antara anugerahnya ialah Anugerah Kecemerlangan Akademik, Anugerah Peribadi Unggul, Anugerah Kepimpinan Cemerlang dan Anugerah Kecemerlangan Kokurikulum.





JUN

KURSUS PRA PERKAHWINAN | 22 - 23 JUN 2024



Kursus ini telah dihadiri seramai 49 orang peserta melibatkan masyarakat dari kawasan sekitar daerah Betong. Kursus Pra Perkahwinan ini bertujuan memberikan pendedahan kepada peserta-peserta tentang prosedur permohonan nikah dan tanggungjawab suami dan isteri di dalam berumah tangga. Majlis telah disempurnakan oleh Pengarah Politeknik METrO Betong Sarawak Encik Suhaili bin Aleh dan wakil dari Pejabat Agama Islam Bahagian Betong Ustazah Syazwani binti Iskander.

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN STAF | 25 JUN 2024



Majlis yang dianjurkan ini merupakan majlis yang memberikan apresiasi kepada warga staff Politeknik METrO Betong Sarawak yang cemerlang. Objektif majlis ini juga ialah dapat mengeratkan hubungan di antara warga PMBS di dalam membentuk satu pasukan yang ideal di dalam memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada industri TVET di Malaysia.



JULAI

**PROGRAM POLYTECHNIC & COMMUNITY
COLLEGE YOUTH SKILL ENHANCEMENT
PROGRAMME (POLYCC YSEP)
| 4 HINGGA 6 JULAI 2024**

Program PolyCC YSEP 2024 telah dihadiri oleh semua YDP MPP Politeknik dan JPP Kolej Komuniti seluruh Malaysia dan dihipunkan di Pulau Perhentian, Terengganu.

Selama tiga hari tersebut, para YDP didedahkan kepada modul latihan dalam kumpulan untuk merapatkan silaturahim sesama mereka. Selain itu mereka juga telah melakukan perbincangan bagi acara-acara MPP Politeknik Kebangsaan serta JPP Kolej Komuniti Kebangsaan yang akan datang.



**AUDIT EOMS POLITEKNIK METrO BETONG
SARAWAK FASA 1 | 9 JULAI 2024**

Terima kasih diucapkan kepada Ketua Juruaudit Sirim, Puan Maznah Binti Mat Isa kerana telah sudi datang ke Politeknik METrO Betong Sarawak dan membantu di dalam proses pengauditan tersebut. Proses pengauditan berjalan dengan lancar dan Politeknik METrO Betong Sarawak telah berjaya melepasi fasa pertama.

**BENGKEL PENULISAN KAJIAN
KUANTITATIF DAN KUALITATIF
| 24 JULAI 2024**

Bengkel yang diadakan ini bagi mendedahkan kepada pensyarah-pensyarah Politeknik METrO Betong Sarawak tentang jenis kajian Kuantitatif dan Kualitatif di dalam memantapkan ilmu di dalam mendidik pelajar-pelajar PMBS.





SESI PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU BAGI SESI 1 2024/2025 | 29 JULAI 2024

Selamat datang diucapkan kepada pelajar-pelajar baharu Diploma Pengurusan Pelancongan dan Diploma Pengurusan Pelancongan ke Politeknik METrO Betong Sarawak dan di harap para pelajar dapat cepat menyesuaikan diri dan menimba ilmu dan seterusnya dapat memberikan sumbangan di dalam industri TVET negara.



MINGGU TRANSFORMASI SISWA (MTS) POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK SESI I 2024/2025 | 15 HINGGA 18 JULAI 2024

Pada minggu transformasi siswa ini, para siswa dan siswi baharu Politeknik METrO Betong Sarawak telah diperkenalkan dengan institusi berserta dengan kemudahan yang ada di institusi di samping diperkenalkan juga dengan agensi-agensi yang berkolaborasi bersama-sama dengan institusi Politeknik METrO Betong Sarawak.

A series of thin, light blue wavy lines that flow from the left side of the page, arching over the text, and then continuing to the right side.

OGOS

Abstract geometric shapes in shades of blue and black, located at the bottom of the page, forming a V-shape that points towards the center.



SESI PERKONGSIAN BERSAMA AGENSI KAUNSELING DAN PENGURUSAN KREDIT (AKPK) | 6 OGOS 2024

Jabatan Perdagangan telah mengadakan Sesi Perkongsian bersama AKPK tentang Literasi Kewangan kepada semua pelajar Semester I bertujuan untuk meningkatkan kemahiran pengurusan kewangan yang berhemat. Sesi ini telah disampaikan oleh Pegawai AKPK Kuching, Encik Johnnycal Ngayang secara dalam talian.



KUNJUNGAN HORMAT DAN LAWATAN KERJA KE SARAWAK DEVELOPMENT CORPORATION BERHAD (SEDC) | 10 OGOS 2024

Lawatan dan kunjungan hormat ini telah dirangka bagi membincangkan hala tuju kolaborasi di antara kedua-dua institusi di mana perbincangan berkisar tentang pembangunan pelajar-pelajar Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS) di samping pembangunan komuniti masyarakat di Betong serta berbincang tentang agenda bagi mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Industri Politeknik METrO Betong Sarawak.




PROGRAM KHIDMAT BANTU DI RUMAH (KBDR) DAERAH BETONG | 18 OGOS 2024

Program anjuran Yayasan Salam dengan kerjasama Pertubuhan Sukarelawan Kebajikan Betong dan Politeknik METrO Betong Sarawak merupakan program membaiki pulih rumah-rumah komuniti Betong yang telah dipilih oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.



PROGRAM "TOP BORROWER PMBS" | 27 OGOS 2024

Objektif program ini adalah menggalakkan budaya membaca di kalangan pengguna perpustakaan dan meningkatkan kehadiran pengguna ke perpustakaan Politeknik METrO Betong Sarawak khususnya kepada pelajar-pelajar Politeknik METrO Betong Sarawak.



SEPTEMBER





PROSES PENGAUDITAN BAGI FASA 2 PENSIJILAN ISO21001:2018 EOMS | 2 HINGGA 3 SEPTEMBER 2024

Proses pengauditan selama 2 hari ini telah diketuai oleh Ybrs Puan Maznah Isa, Ketua Auditor, Sirim, Ybrs Puan Nursheirie Sheiriena Binti Mohammad Za'im, Auditor, Sirim dan Encik Muhamad Hamidi Bin Yusop selaku pemerhati.

Tahniah diucapkan kepada seluruh warga Politeknik METrO Betong Sarawak yang telah bertungkus lumus di dalam penyediaan audit dan memastikan perjalanan audit sepanjang dua hari ini berjalan lancar dan jayanya.

MAJLIS KONVOKESYEN KE 8 POLITEKNIK METRO BETONG SARAWAK | 7 SEPTEMBER 2024

Majlis Konvokesyen ke 8 Politeknik METrO Betong Sarawak berlangsung pada sidang 1 Majlis Kovekensyen Polycc Zon Sarawak pada 7 September 2024 di Politeknik Kuching Sarawak.. Seramai 60 orang pelajar dari Politeknik METrO Betong Sarawak telah menghadiri majlis konvokesyen ini merangkumi pelajar-pelajar dari jurusan Diploma Pengurusan Pelancongan dan Diploma Kewangan dan Perbankan.



PERHIMPUNAN BULANAN POLITEKNIK METRO BETONG SARAWAK | 11 SEPTEMBER 2024

Majlis dimulakan dengan amanat daripada Pengarah Politeknik METrO Betong Sarawak Ybrs Ts. Puan Shirley Anak Phillip dan seterusnya penerima anugerah penghargaan daripada EKSA dan penerima anugerah pekerja contoh bulanan bagi bulan Julai dan Ogos.

Tahniah diucapkan kepada penerima-penerima anugerah dan semoga Politeknik METrO Betong Sarawak terus unggul di dalam memberikan perkhimdatan TVET yang berkualiti kepada masyarakat.



SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT POLITEKNIK METRO BETONG SARAWAK | 12 SEPTEMBER 2024

Sambutan Maulidur Rasul peringkat Politeknik METrO Betong Sarawak telah dijalankan dengan jayanya hasil kerjasama Unit Pengajian Am dan Kelab Rakan Surau PMBS.

Pengisian majlis adalah berbentuk Tazkirah Fikir atas Iman dan Amal. Sempena Bulan Rabiul Awal ini marilah kita menyemarakkan dan memperbanyakkan lagi selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Semoga kita semua menerima syafaat Baginda S.A.W berkat mengikuti ajaran dan sunnah Baginda S.A.W.



PMBS SIHAT: 10,000 LANGKAH | 20 SEPTEMBER 2024

Warga PMBS telah menyahut seruan Kementerian Pendidikan Tinggi dan Ketua Pengarah JPPKK utk mengamalkan amalan hidup sihat dgn melakukan 10k langkah sehari .Semoga dengan cabaran ini dapat membantu warga PMBS untuk mengekalkan mental Dan fizikal yang cergas.



KURSUS PENGURUSAN MINIT MESYUARAT | 19 SEPTEMBER 2024

Kursus Pengurusan Minit Mesyuarat anjuran Unit Kewangan dan Pentadbiran bertujuan untuk mempertingkatkan kesedaran dan Pendedahan kepada peserta berhubung aspek pengurusan mesyuarat mengikut pekeliling yang telah ditetapkan oleh Pihak MAMPU. Kursus ini dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu membicarakan aspek persediaan mesyuarat, membincangkan persediaan semasa mesyuarat dan menyentuh pengurusan selepas mesyuarat.



PROGRAM CREATIVE STARTUPS ACCELERATOR - GUBAHAN BUNGA BOUQUET | 26 SEPTEMBER 2024

Program ini telah melibatkan semua pelajar Semester 2 Diploma Pengurusan Pelancongan yang mengambil Kursus Keusahawanan Digital. Pelajar telah mempelajari pelbagai jenis gubahan bouquet seperti asas bouquet, asas coklat & flower bouquet dan single flower bouquet. Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Cik Hanisya Hasbi, founder kepada syarikat Sorcha Aurora atas kesudian perkongsian ilmu yang diberikan





OKTOBER

LAWATAN AUDIT PENAZIRAN AKADEMIK (PeNA) 2024 | 03 OKTOBER 2024

Lawatan Audit Penaziran Akademik (PeNA) 2024 ke Politeknik METro Betong Sarawak yang diketuai oleh Ybrs. Sr. Asuralyzah Binti Saleh, Timbalan Pengarah Unit Naziran, BIPD dan Ybrs. Puan Nurul Faiza Binti Mohd Zain, Penolong Pengarah Kanan Unit Naziran BIPD selaku urusetia ini adalah bagi memantau servis pengurusan akademik di Politeknik METro Betong Sarawak supaya mengikut piawaian yang telah ditetapkan.



LAWATAN PEMANTAUAN PELAKSANAAN PROJEK PENYELENGGARAAN FASILITI IPT RP4, RMKE -12, TAHUN 2024 | 08 OKTOBER 2024

Lawatan yang diketuai oleh Encik Mohd Hafiz bin Abu Chek bersama kumpulannya yang turut diwakili oleh Encik Ahmad Baizuri bin Sulaiman dan Encik Muhd Haziq Rafie bin Muhd Johari telah datang melawat bagi membuat pemantauan kerja-kerja projek penyelenggaraan yang sedang berlansung di Politeknik METro Betong Sarawak.



SESI TAKLIMAT PERKONGSIAN 'SCAMMER AWARENESS' DENGAN WARGA PMBS CIMB RED/ PFA | 15 OKTOBER 2024

Program Taklimat 'Scammer Awareness' Bank Negara Malaysia oleh CIMB Bank RED/PFA telah diadakan di Politeknik METrO Betong Sarawak. Taklimat ini bertujuan memberi kesedaran kepada staf mahupun pelajar akan kepentingan serta cara-cara menggunakan kemudahan aplikasi internet dan media sosial dengan sebaiknya agar dapat mengelakkan diri daripada terjerumus didalam perangkap jenayah siber. CIMB Bank RED/PFA diwakili oleh En. Awang Horolni bin Awang Putit bersama 3 lagi pegawai CIMB



MESYUARAT JAWATANKUASA PENASIHAT INDUSTRI POLITEKNIK METRO BETONG SARAWAK BAGI TAHUN 2024 | 18 OKTOBER 2024

Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Industri Politeknik METro Betong Sarawak bagi tahun 2024, anjuran unit CISEC PMBS, telah diadakan di Menara SEDC, Kuching Sarawak. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Pn. Jane Lian Labang, Pengurus Besar Kampung Budaya Sarawak bersama Pengarah PMBS, Ts. Puan Shirley anak Phillip, dan Dr. Zamira binti Noh, Eksekutif Kanan Jabatan Perancangan Strategi SEDC mewakili Pengurus Besar SEDC, YBhg. Datu Haji Abdul Hadi bin Haji Abdul Kadir dan turut dihadiri oleh beberapa wakil Pemain Industri Pelancongan dan Kewangan.



MAJLIS SAMBUTAN HARI AKADEMIKA 2024 & MAJLIS PERSARAAN : SELAUT BUDI , SERIBU MEMORI | 28 OKTOBER 2024

Politeknik METrO Betong Sarawak telah menganjurkan Majlis Sambutan Hari Akademia yang bertempat di Tandang Sari Avenue, Sri Aman. Majlis yang dianjurkan ini adalah bagi menghargai warga pendidik dan juga seluruh warga PMBS di atas penat lelah yang telah mereka curahkan di dalam memberikan servis pendidikan terbaik kepada masyarakat.



NOVEMBER



RERUI MADANI PMBS GEMILANG "A PALAZO OF UNITY" 2024 | 04-07 NOVEMBER 2024

Program yang julung kali dianjurkan ini adalah bagi mendekatkan institusi bersama Warga Politeknik METrO Betong Sarawak dan juga masyarakat Komuniti Betong di mana dapat menambahkan lagi perkongsian ilmu daripada institusi khususnya kepada masyarakat Komuniti Betong di samping dapat membantu ekonomi masyarakat komuniti Betong dan juga memupuk semangat keusahawanan di kalangan pelajar-pelajar Politeknik METrO Betong itu sendiri. Antara pengisian program ini ialah kursus-kursus Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH), Pertandingan Sukan Badminton, Pertandingan Sukan Rakyat, Minggu Keusahawanan dan pengajian Am daripada Jabatan Kewangan , Demonstrasi Produk Pelancongan daripada Jabatan Pelancongan, gerai jualan usahawan.



SEMINAR KEPENGGUNAAN RECYCLE & UPCYCLE (PENGGUNA KREATIF) TROLI PENGUNA | 08 NOVEMBER 2024

Program ini merupakan anjuran Gerakan Pengguna Siswa (GPS) Politeknik METrO Betong Sarawak dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Negeri Sarawak yang telah disertai oleh pelajar-pelajar PMBS. Antara pengisian program adalah seperti seminar kepenggunaan, kuiz pengguna dan troli pengguna.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



**AUDIT DALAMAN
2024**
MS ISO 21001:2018
EDUCATIONAL ORGANISATIONS MANAGEMENT
SYSTEM (EOMS)
POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK

MESYUARAT PEMBUKAAN	: 11 NOVEMBER 2024
MESYUARAT PENUTUPAN	: 15 NOVEMBER 2024
TINDAKAN PEMBETULAN	: 18 - 22 NOVEMBER 2024
AUDIT SUSULAN	: 25 - 29 NOVEMBER 2024

 POLITEKNIK METrO BETONG SARAWAK

AUDIT DALAMAN EOMS PMBS BAGI TAHUN 2024 | 11-15 NOVEMBER 2024

Objektif Audit Dalaman ini dilaksanakan adalah bagi menentukan kepatuhan terhadap ISO 21001:2018. Di samping itu, ia juga penting bagi menentukan sama ada semua operasi Pengurusan Pengajaran dan Latihan dan Pengurusan Sokongan telah dilaksanakan seperti yang dirancang. Seterusnya, adalah penting bagi pemilik proses untuk mengenalpasti tindakan pembetulan, pencegahan dan penambahbaikan dilaksanakan secara sistematik dan berterusan terhadap operasi yang telah dibangunkan.

**KURSUS 'MUET PREPARATORY
WORKSHOP' | 18 NOVEMBER 2024**

Seramai 24 orang pelajar telah menghadiri kursus "MUET PREPARATORY WORKSHOP" yang dianjurkan oleh Unit Pengajian Am, Politeknik METrO Betong Sarawa.Pn. Nur Aainaa Chieng Abdullah telahpun hadir bagi memberikan pendedahan kepada para pelajar mengenai cara serta teknik menjawab soalan-soalan MUET yang merangkumi 4 komponen asas iaitu *Listening*, *Reading*, *Speaking*, dan *Writing* yang menggunakan format terkini.



**TAKLIMAT ENGLISH ENHANCEMENT
PROGRAMME (EEP) | 19 NOVEMBER 2024**

Sesi taklimat English Enhancement Programme (EEP) telah disampaikan oleh 2 orang pegawai daripada Swinburne University of Technology Sarawak Campus dan disertai oleh pelajar-pelajar semester akhir yang bakal menamatkan pengajian mereka tidak lama lagi di Politeknik METrO Betong Sarawak. English Enhancement Programme (EEP) dibiayai sepenuhnya oleh Yayasan Sarawak dan merupakan salah satu inisiatif bagi membantu anak-anak Sarawak meningkatkan kemampuan dan kebolehan diri di samping kemahiran berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris. Program ini adalah program pendek selama 6 bulan dan para pelajar akan mendapat manfaat yang begitu banyak dalam persediaan mereka untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi selari dengan hasrat kerajaan Sarawak untuk menyediakan skim pendidikan percuma kepada semua rakyat Sarawak.



MAJLIS APRESIASI PELAJAR SEMESTER 5 SESI I: 2024/2025 | 20 NOVEMBER 2024



Program yang dianjurkan ini adalah bagi memberikan penghargaan kepada pelajar-pelajar semester 5 bagi program Diploma Pengurusan Pelancongan dan Diploma Kewangan dan Perbankan Politeknik METrO Betong Sarawak yang akan menjalani Latihan Industri pada semester akan datang. Antara anugerah yang terdapat di dalam program ini ialah Anugerah Kecemerlangan Akademik, Anugerah Peribadi Unggul, Anugerah Kecemerlangan Kokurikulum, Anugerah Kepimpinan Cemerlang dan Anugerah Siswa Cemerlang.



BENGKEL PELAN TINDAKAN DINAMIK POLITEKNIK METRO BETONG SARAWAK 2024 | 27-28 NOVEMBER 2024

Politeknik METrO Betong Sarawak telah menganjurkan Bengkel Pelan Tindakan Dinamik yang bertempat di Tandang Sari Avenue Sri Aman. Bengkel ini adalah bertujuan untuk , merangka pelan tindakan komprehensif yang jelas dan teratur bagi Politeknik METrO Betong Sarawak, menyediakan platform untuk kakitangan politeknik berkongsi pandangan dan cadangan bagi pembangunan institusi, menyelaraskan perancangan strategik dengan visi dan misi Politeknik METrO Betong Sarawak dan meningkatkan komitmen kerjasama dan komitmen kakitangan dalam mencapai objektif institusi.



DISEMBER

BENGKEL OUTCOME BASED EDUCATION (OBE) & I-FRP SESI II : 2024/2025 | 19 DISEMBER 2024

Objektif Bengkel ini adalah bagi menekankan kepada pensyarah-pensyarah Politeknik METrO Betong Sarawak tentang kepentingan OBE di dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran dan format terbaru i-FRP yang akan digunakan pada Sesi II: 2024/2025 yang akan melapr diri ke institusi ini kelak.



KEMPEN KURANGKAN GULA | 18 DISEMBER 2024

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM) telah melancarkan Kempen Kurangkan Gula & "War On Sugar" melalui Pelan Strategik Mengurangkan Gula Dalam Kalangan Rakyat Malaysia 2024-2030. Oleh yang demikian, seluruh warga Politeknik METrO Betong Sarawak disarankan untuk mengamalkan pemakanan sihat agar dapat meningkatkan produktiviti di samping mengurangkan bebanan kos perubatan

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
BAHAGIAN PEMERIKAHAN

TAWAN RASA 'MENGIDAM' TERHADAP MINUMAN MANIS

Pilihan Kurang Sihat

Air berkarbonat mungkin memberikan rasa segar namun mengandungi **gula dan kalori yang lebih tinggi** berbanding air kosong

Kopi mocha bersama 'whipped cream' sahaja sudah membekalkan **400 kalori!**

Pilihan Lebih Sihat

Cuba teh-o ais tanpa gula ditambah dengan perahan buah lemon

Tambah kepingan buah seperti lemon atau limau pada air kosong

Secawan 'latte' kecil yang diperbuat daripada susu rendah lemak dan dihiasi dengan serbuk kayu manis



PENCAPAIAN DAN ANUGERAH



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK & KOLEJ KOMUNITI

PERATUSAN SKOR KUALITI DATA POLYCC

99.45%

kepada

POLITEKNIK METRO BETONG SARAWAK

UNIT DATA & DISEMINASI
BAHAGIAN KOORDINASI TVET

**Politeknik METro Betong Sarawak telah mencapai Peratusan Skor
Kualiti Data POLYCC iaitu sebanyak 99.45%.**



**Politeknik METrO Betong Sarawak telah menerima
Lawatan Penaziran Akademik (PeNA) dengan
mendapat penarafan Lima Bintang.**



SIJIL



SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dengan ini mengesahkan bahawa

POLITEKNIK METRO BETONG SARAWAK
1-12, FASA 2, BANDAR BARU BETONG
JALAN BARU BETONG
95700 BETONG
SARAWAK
MALAYSIA

telah melaksanakan *Educational Organizations Management System* yang menepati

ISO 21001 : 2018
 Educational organizations – Management Systems for educational organizations –
 Requirements with guidance for use

Skop Pensijilan

PEMBERIAN LATIHAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL DI PERINGKAT DIPLOMA.



Tarikh dikeluarkan	:	18 November 2024
Tarikh asal pensijilan	:	18 November 2024
Tarikh luput	:	17 November 2027
No. pensijilan	:	EOMS 00141

SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN. BHD.
 (Co. No. 199601037981 (410334-X))
 1, Persiaran Dato' Menteri
 Section 2, P.O. Box 7035
 40700 Shah Alam
 Selangor Darul Ehsan
 MALAYSIA
 Tel : 60-3-55446000



Nur Fadhilah binti Muhammad
 Ketua Pegawai Eksekutif
 SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

**Politeknik METRO Betong Sarawak telah diiktiraf
 Educational Organizations Management System yang menepati
 ISO 21001 : 2018 dan mendapat Pensijilan Pemberian Latihan Teknikal
 dan Vokasional di Peringkat Diploma.**



Setinggi tahniah kepada Puan Emirudziawati binti Juni di atas pelantikan sebagai Timbalan Pengarah Politeknik METrO Betong Sarawak



Setinggi tahniah kepada Puan Winne anak Chengai di atas pelantikan sebagai Ketua Jabatan Sokongan Akademik Politeknik METrO Betong Sarawak



Setinggi tahniah kepada Puan Kani anak Linyaw di atas pelantikan sebagai Ketua Jabatan Akademik Politeknik METrO Betong Sarawak



Syabas dan tahniah kepada pegawai yang menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2023 Politeknik METrO Betong Sarawak



Tahniah dan selamat maju jaya kepada pegawai Politeknik METRO Betong Sarawak yang telah mendapat biasiswa Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) Cuti Belajar Bergaji Penuh.



Puan Emilyn anak Nojen tercalon sebagai Finalis Anugerah Mentor Keusahawanan sempena Anugerah Akademia POLYCC 2024 yang berlangsung di Hotel Impiana, Ipoh Perak

Puan Emirudziawati binti Juni dan Puan Kani anak Linyaw telah memenangi Pingat Gangsa dalam Pertandingan Inovasi TVET Kebangsaan 2024 (PERISA '24) di Kolej Komuniti Chenderoh, Perak. Inovasi bertajuk: SpotQR.



Kumpulan pensyarah Politeknik METrO Betong Sarawak telah memenangi pingat gangsa bagi International Innovation Festival (INNOFEST) 2024



BUSINESS COMPETITION PERINGKAT POLYCC ZON SARAWAK | 23 - 24 APRIL 2024

Politeknik METrO Betong Sarawak berjaya merangkul juara bagi Business Competition Peringkat PolyCC Zon Sarawak di Politeknik Kuching Sarawak. Kumpulan Mastermind yang disertai oleh tiga orang pelajar Diploma Pengurusan Kewangan dan Perbankan iaitu saudari Ellyvia Winny Anak Angkeng, saudari Jun Joe dan saudara Izz Hazim Bin Bollkiah di bawah bimbingan Puan Emilylyn Nojen.

Kelab Seni Layar Betong, Politeknik METrO Betong Sarawak di bawah bimbingan Puan Lydia Desmond Bangga telah merangkul kejuaraan di dalam pertandingan International Youth Showcase yang berlangsung di Politeknik Kuching Sarawak



Tahniah kepada saudari Valerie anak Juan pelajar Diploma Pengurusan Pelancongan semester 4 kerana telah membantu pasukannya mendapat tempat ketiga bagi pertandingan SEA 7s 2024.



Tahniah kepada saudara Muhammad Izzudin bin Abdullah Sepawi, pelajar Diploma Pengurusan Pelancongan semester 3, telah mendapat tempat kedua di dalam acara sukan Badminton *Polytechnic Sports Challenge*.

Setinggi tahniah dan syabas diucapkan kepada pelajar Valerie Anak Juan kerana merangkul pingat Perak dalam sukan Ragbi pada SUKMA 2024.



Tahniah kepada saudara Jun Joe, pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan Semester 05, telah dinobatkan tempat ketiga bagi pertandingan Ikon Siarawan POLYCC 2024.



Tahniah kepada saudara Muhammad Izzudin bin Abdullah Sepawi, telah memenangi pingat Emas dalam acara regu lelaki Badminton dalam Kejohanan Sukan IPTA, FIT PERKEPIS 2024.

Tahniah kepada saudara Jun Joe, telah mendapat tempat ketiga dalam pertandingan Sarawak Youth Business Idea Competition (SaYBIC) anjuran Kementerian Belia, Sukan & Pembangunan Usahawan Sarawak (MYSED).





PERARAKAN DAN PERTANDINGAN SEPANDUK BERSEMPENA SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT BAHAGIAN BETONG 1446/2024 | 16 SEPTEMBER 2024

Perarakan dan Pertandingan Sepanduk bersempena Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Bahagian Betong 1446/2024 anjuran Jawatankuasa Tetap Islam dan Pusat Khidmat N.40 Kabong. Majlis telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Chee bin Kadir, ADUN N.40 Kabong dan penyertaan adalah seramai 34 kontinjen termasuk agensi kerajaan, JKKK Kampung, Masjid dan Surau serta institusi pendidikan. PMBS mendapat tempat ketiga bagi Kategori Institusi Pendidikan.



SEMARAK BUDI KENANGAN ABADI



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

POLITEKNIK
MALAYSIA
METRO BETONG SARAWAK

Selamat Bersara
ABDUL RAHMAN@SHAMSUDIN BIN RASHID
01.01.2024

Terima Kasih
atas segala jasa, budi dan sumbangan bakti
yang dicurahkan sepanjang berkhidmat di
Politeknik METrO Betong Sarawak

Ikhlas Daripada,
Seluruh Warga
Politeknik METrO Betong Sarawak

MALAYSIA MADANI POLYCC https://www.pmts.edu.my/v3/ politeknikmetrobetongsarawak Politeknik METrO Betong Sarawak PolyMETrO Betong Sarawak politeknikmetrobetong 083-472676 083-472991



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

POLITEKNIK
MALAYSIA
METRO BETONG SARAWAK

JASAMU DIKENANG & TERIMA KASIH
PUAN AGNES ANAK BUDA
Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi

Selamat Maju Jaya
&
Selamat Bertugas Di Tempat Baharu

Daripada,
Seluruh Warga
Politeknik METrO Betong Sarawak

MALAYSIA MADANI POLYCC https://www.pmts.edu.my/v3/ politeknikmetrobetongsarawak Politeknik METrO Betong Sarawak PolyMETrO Betong Sarawak politeknikmetrobetong 083-472676 083-472991



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



POLITEKNIK
MALAYSIA
METRO BETONG SARAWAK

JASAMU DIKENANG & TERIMA KASIH

ENCIK SUHAILI BIN ALEH

Pengarah Politeknik Mukah

Selamat Maju Jaya & Selamat Bertugas Di Tempat Baharu

Daripada,
Seluruh Warga
Politeknik METrO Betong Sarawak





<https://www.pmb.edu.my/v3/>

[politeknikmetrobetongsarawak](#)
[Politeknik METrO Betong Sarawak](#)
[PolyMETrO Betong Sarawak](#)
[politeknikmetrobetong](#)

083-472678 083-472991



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



POLITEKNIK
MALAYSIA
METRO BETONG SARAWAK

JASAMU DIKENANG & TERIMA KASIH

ENCIK MOHD SHAHRIR BIN AHMAD ZAINI

Pengarah Kolej Komuniti Pasir Salak

Selamat Maju Jaya & Selamat Bertugas Di Tempat Baharu

Daripada,
Seluruh Warga
Politeknik METrO Betong Sarawak





<https://www.pmb.edu.my/v3/>

[politeknikmetrobetongsarawak](#)
[Politeknik METrO Betong Sarawak](#)
[PolyMETrO Betong Sarawak](#)
[politeknikmetrobetong](#)

083-472678 083-472991



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

POLITEKNIK
MALAYSIAN
METRO BETONG SARAWAK

JASAMU DIKENANG & TERIMA KASIH

PUAN NUR FAIZAH BINTI ZAM ZAM
Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi

**Selamat Maju Jaya &
Selamat Bertugas Di Tempat Baharu**

Daripada,
**Seluruh Warga Politeknik METrO
Betong Sarawak**



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

POLITEKNIK
MALAYSIAN
METRO BETONG SARAWAK

JASAMU DIKENANG & TERIMA KASIH

PUAN AZLINDA BINTI AHMAD
Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi

**Selamat Maju Jaya
&
Selamat Bertugas Di Tempat Baharu**

Daripada,
**Seluruh Warga
Politeknik METrO Betong Sarawak**








<https://www.pmb.edu.my/v3/>

[politeknikmetrobetongsarawak](#)

[Politeknik METrO Betong Sarawak](#)

[PolyMETrO Betong Sarawak](#)

[politeknikmetrobetong](#)

[083-472676](#)

[083-472991](#)



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

POLITEKNIK
MALAYSIA
METRO BETONG SARAWAK

Selamat Bersara
PUAN HAJAH SAPTUYAH BINTI MARJIRI
01 NOVEMBER 2024

Terima Kasih
atas segala jasa, budi dan sumbangan bakti
yang dicurahkan sepanjang berkhidmat di
Politeknik METRo Betong Sarawak

Ikhlas Daripada,
Seluruh Warga
Politeknik METRo Betong Sarawak



MALAYSIA MADANI POLYCC https://www.pmb.edu.my/v3/ politeknikmetrobetongsarawak Politeknik METRo Betong Sarawak PolyMETRo Betong Sarawak politeknikmetrobetong 083-472676 083-472991



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

POLITEKNIK
MALAYSIA
METRO BETONG SARAWAK

Selamat Bersara
TUAN HAJI MOHAMAD TAHER BIN KASA
01 NOVEMBER 2024

Terima Kasih
atas segala jasa, budi dan sumbangan bakti
yang dicurahkan sepanjang berkhidmat di
Politeknik METRo Betong Sarawak

Ikhlas Daripada,
Seluruh Warga
Politeknik METRo Betong Sarawak



MALAYSIA MADANI POLYCC https://www.pmb.edu.my/v3/ politeknikmetrobetongsarawak Politeknik METRo Betong Sarawak PolyMETRo Betong Sarawak politeknikmetrobetong 083-472676 083-472991



INSPIRASI ILMIAH

Abstrak

Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) diperkenalkan sebagai usaha untuk meningkatkan kecekapan, produktiviti, dan suasana kerja dalam sektor awam. Sejak diperkenalkan pada tahun 2018, Politeknik METrO Betong Sarawak telah berusaha mengintegrasikan amalan EKSA bagi memperkukuhkan budaya kerja dan memperbaiki imej profesional organisasi. Kajian ini membincangkan cabaran serta keberkesanan pelaksanaan EKSA terhadap organisasi dan kakitangan melalui pendekatan kualitatif. Antara cabaran utama yang dihadapi ialah perubahan budaya kerja, tahap komitmen staf yang tidak konsisten, serta kos penyelenggaraan. Namun begitu, pelaksanaan EKSA memberikan kesan positif, termasuk peningkatan keberkesanan pengurusan, suasana kerja yang lebih kondusif, serta peningkatan motivasi dan kemahiran kakitangan. Kajian ini mencadangkan inisiatif seperti program kesedaran, sistem ganjaran, dan penglibatan komuniti untuk memastikan pelaksanaan EKSA yang lebih mampan. Dapatan kajian mengukuhkan bahawa EKSA merupakan kaedah strategik dalam membina budaya kerja positif di Politeknik METrO Betong Sarawak, sekaligus menyumbang kepada pembangunan institusi yang lebih kompetitif dan kondusif.

Kata kunci : EKSA, budaya kerja, produktiviti organisasi, motivasi staf, keberkesanan pelaksanaan

Pendahuluan

Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) merupakan inisiatif yang diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia untuk memperkukuhkan budaya kerja cemerlang dalam sektor awam. Konsep ini bukan sahaja menekankan elemen 5S (Sisih, Susun, Sapu, Seragam, Sentiasa Amal), tetapi turut memberi penekanan kepada elemen kreatif, inovatif, dan mesra alam. Dengan penglibatan menyeluruh warga organisasi, EKSA bertujuan mewujudkan persekitaran kerja yang lebih kondusif, sistematik, dan profesional.

Pelaksanaan EKSA di Politeknik METrO Betong Sarawak bermula pada tahun 2018 sebagai sebahagian daripada usaha strategik institusi untuk meningkatkan kecekapan operasi dan produktiviti. PMBS telah memanfaatkan EKSA untuk memperbaiki imej organisasi, memperkukuh budaya kerja positif, serta meningkatkan kesejahteraan kakitangan dan pelajar. Namun, perjalanan pembudayaan EKSA tidak tercapai tanpa cabaran. Isu seperti komitmen kakitangan, kos penyelenggaraan, dan perubahan budaya kerja memerlukan perhatian yang serius.

Kajian ini bertujuan untuk meneliti cabaran serta keberkesanan pelaksanaan EKSA di Politeknik METrO Betong Sarawak terhadap organisasi dan staf. Selain itu, kajian ini juga menggariskan cadangan penambahbaikan untuk memastikan kelestarian amalan EKSA di PMBS.

Kepentingan Kajian

Kajian ini penting untuk memahami impak EKSA terhadap kecekapan operasi dan motivasi staf dalam sektor pendidikan. Dengan menilai pengalaman Politeknik METrO Betong Sarawak, hasil kajian ini dapat dijadikan rujukan untuk institusi lain yang ingin melaksanakan atau menambah baik amalan EKSA. Kajian terdahulu seperti yang dilakukan oleh Amin et al. (2020) menunjukkan bahawa EKSA mampu meningkatkan keberkesanan pengurusan dan kepuasan kerja staf jika dilaksanakan secara mampan. Oleh itu, penulisan ini juga menyumbang kepada literatur sedia ada tentang amalan pengurusan dalam sektor awam.

Objektif Kajian

1. Mengkaji pelaksanaan EKSA di Politeknik METrO Betong Sarawak .
2. Mengenal pasti cabaran utama dalam membudayakan amalan EKSA.
3. Menilai kesan pelaksanaan EKSA terhadap organisasi dan kakitangan.
4. Mencadangkan langkah strategik untuk memperkukuh pelaksanaan EKSA pada masa hadapan.

Sorotan Kajian

Pelbagai kajian telah dijalankan untuk menilai keberkesanan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) dalam sektor awam dan swasta. Menurut Amin et al. (2020), pelaksanaan EKSA dapat meningkatkan pengurusan organisasi melalui penstrukturan semula ruang kerja, yang seterusnya meningkatkan produktiviti pekerja. Kajian ini juga menekankan perlunya pemantauan berkala untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan EKSA.

Sementara itu, kajian oleh Wong dan Abdullah (2019) menyatakan bahawa perubahan budaya organisasi merupakan cabaran utama dalam pelaksanaan EKSA. Mereka mendapati bahawa penglibatan dan komitmen kakitangan memainkan peranan penting dalam kejayaan inisiatif ini. Kajian serupa oleh Lee et al. (2021) menggariskan bahawa elemen kreativiti dan inovasi dalam EKSA dapat memacu peningkatan motivasi staf serta memperkukuh budaya kerja positif.

Dalam konteks pendidikan, kajian oleh Hassan dan Mohd Noor (2020) menunjukkan bahawa institusi pengajian tinggi yang mengamalkan EKSA menunjukkan peningkatan kepuasan kerja dan imej profesional. Walau bagaimanapun, mereka juga mencatatkan bahawa kos penyelenggaraan yang tinggi sering menjadi halangan kepada kelestarian pelaksanaan EKSA.

Walaupun banyak kajian telah meneliti keberkesanan EKSA dalam sektor awam dan institusi pendidikan, terdapat kekurangan kajian yang mendalam mengenai impaknya terhadap institusi pendidikan vokasional seperti politeknik. Kajian ini bertujuan untuk mengisi jurang tersebut dengan meneliti cabaran unik yang dihadapi oleh Politeknik METrO Betong Sarawak dalam pembudayaan EKSA. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk menyediakan cadangan praktikal berdasarkan pengalaman institusi ini, yang boleh dijadikan panduan untuk institusi lain.

Dengan memahami cabaran dan keberkesanan EKSA di Politeknik METrO Betong Sarawak, kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan yang bermakna kepada literatur sedia ada dan membantu institusi pendidikan lain untuk melaksanakan EKSA secara mampan.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk menilai cabaran dan keberkesanan pelaksanaan EKSA di Politeknik METrO Betong Sarawak. Data dikumpulkan melalui kaedah berikut:

1. Sampel Kajian: Sampel terdiri daripada kakitangan pentadbiran dan tenaga pengajar di Politeknik METrO Betong Sarawak yang terlibat secara langsung dengan pelaksanaan EKSA sejak 2018.
2. Alat Pengumpulan Data:
 - Temu bual separa berstruktur: Dilakukan bersama kakitangan untuk mendapatkan pandangan mendalam mengenai pengalaman mereka dengan EKSA.
 - Pemerhatian lapangan: Dilakukan untuk menilai perubahan fizikal dan budaya kerja akibat pelaksanaan EKSA.
 - Dokumentasi: Analisis dokumen seperti laporan EKSA, garis panduan, dan polisi institusi.
3. Teknik Analisis: Data dianalisis menggunakan pendekatan analisis tema. Proses ini melibatkan pengkodan data untuk mengenal pasti tema utama berkaitan cabaran dan keberkesanan EKSA.

Pendekatan ini membolehkan kajian memberikan gambaran yang komprehensif mengenai pelaksanaan EKSA di Politeknik METrO Betong Sarawak, sekali gus menghasilkan cadangan praktikal yang boleh digunakan oleh institusi lain.

Hasil dan Perbincangan

Hasil Kajian

1. Cabaran Pelaksanaan EKSA:

- Perubahan Budaya Kerja: Sesetengah kakitangan menunjukkan rintangan terhadap perubahan dalam prosedur dan amalan kerja baharu.
- Komitmen Tidak Konsisten: Terdapat kakitangan yang kurang memberi komitmen terhadap aktiviti EKSA, terutamanya selepas tempoh pelaksanaan awal.
- Kos Penyelenggaraan: Pelaksanaan EKSA memerlukan peruntukan kewangan yang berterusan untuk memastikan kelestariannya.

2. Keberkesanan EKSA:

- Peningkatan Efisiensi Pengurusan: Penstrukturan ruang kerja membantu mengurangkan masa pencarian dokumen dan bahan kerja.
- Persekitaran Kerja Kondusif: Reka bentuk ruang yang kemas dan mesra alam meningkatkan kepuasan kerja kakitangan.
- Motivasi dan Kemahiran Staf: Aktiviti berkaitan EKSA seperti latihan dan bengkel menyumbang kepada peningkatan kemahiran teknikal dan profesional staf.

Perbincangan

Hasil kajian menunjukkan bahawa walaupun terdapat cabaran dalam pelaksanaan EKSA, manfaatnya terhadap organisasi dan staf adalah ketara. Sebagai contoh, dapatan ini selari dengan kajian Amin et al. (2020) yang menekankan pentingnya pemantauan berterusan untuk mengekalkan keberkesanan EKSA. Penambahbaikan dalam persekitaran kerja juga mengesahkan dapatan Hassan dan Mohd Noor (2020) bahawa EKSA mampu meningkatkan kepuasan kerja staf.

Cabaran seperti kos penyelenggaraan dan perubahan budaya kerja memerlukan pendekatan strategik. Penggunaan sistem ganjaran dan penglibatan komuniti seperti yang disarankan oleh Lee et al. (2021) boleh menjadi langkah efektif untuk mengatasi isu ini. Kajian ini mencadangkan program kesedaran berkala dan bengkel interaktif untuk meningkatkan komitmen dan pemahaman staf terhadap kepentingan EKSA.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan EKSA di Politeknik METrO Betong Sarawak bukan sahaja memperkuat budaya kerja yang positif tetapi juga menyumbang kepada pembangunan institusi yang lebih kompetitif dan lestari.

Kesimpulan

Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) di Politeknik METrO Betong Sarawak telah membawa impak positif, walaupun menghadapi cabaran seperti perubahan budaya kerja, ketidakkonsistenan komitmen staf, dan kos penyelenggaraan. EKSA telah meningkatkan efisiensi pengurusan, mencipta persekitaran kerja yang lebih kondusif, serta memotivasi staf untuk meningkatkan kemahiran mereka. Dapatan ini menunjukkan bahawa EKSA berperanan penting dalam memperkuat budaya kerja yang positif dan imej profesional organisasi, yang menyumbang kepada perkembangan institusi yang lebih berdaya saing. Untuk memastikan pelaksanaan EKSA yang lebih mampan, cadangan termasuk program kesedaran yang lebih luas, sistem ganjaran untuk staf, dan penglibatan komuniti kampus dalam aktiviti berkaitan EKSA. Dengan langkah-langkah ini, EKSA dapat memberi kesan yang lebih besar terhadap pengukuhan budaya kerja di masa hadapan.

Rujukan

- Amin, M. et al. (2020). The impact of EKSA on organizational effectiveness and employee satisfaction: A study of public sector implementation. *Journal of Public Administration*, 15(3), 35-47.
- Hassan, S., & Mohd Noor, N. (2020). The effects of EKSA on institutional image and employee satisfaction in higher education institutions. *Journal of Educational Management*, 22(4), 45-59.
- Lee, K. et al. (2021). Creative and innovative elements in EKSA: Enhancing employee motivation in public service. *Journal of Public Sector Innovation*, 14(1), 81-95.
- Wong, P., & Abdullah, R. (2019). Challenges in implementing EKSA in public organizations: A case study of sectoral adaptation. *Malaysian Journal of Public Administration*, 28(2), 55-64.

Kajian Kepuasan Pelajar Terhadap Fasilitas dan Perkhidmatan di Politeknik METrO Betong Sarawak 2024

Amydisyukrie bin Md. Yusoff & Evelyn Ak Frankling Tegik

PENGENALAN

Unit Komunikasi Korporat (UKK) Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS) telah membuat satu kajian Kepuasan Pelanggan terhadap Fasilitas dan Perkhidmatan di PMBS melalui soal selidik di atas talian. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi input dan membantu pihak pengurusan PMBS dalam merancang pelan tindakan yang sewajarnya bagi memastikan tahap kepuasan kemudahan dan perkhidmatan yang ditawarkan di Politeknik berada pada tahap yang baik dan berkualiti sejajar dengan keperluan dan kehendak Agensi Kelayakan Malaysia.

Untuk tujuan kaji selidik ini, skop pelanggan adalah kelompok pelajar program Diploma Kewangan dan Perbankan dan program Diploma Pengurusan Pelancongan. Data diperolehi daripada pelajar semester satu sehingga pelajar semester 5 sahaja.

Analisis kajian ini merangkumi tiga bahagian seperti berikut:

Bahagian 1: Profil Demografi

- i. Kelas
- ii. Bangsa

Bahagian 2: Kepuasan Pelajar Terhadap Keberkesanan Program di Politeknik METrO Betong Sarawak.

- i. Program Pengajian
- ii. Prestasi Pensyarah

Bahagian 3: Maklumbalas Fasilitas dan Perkhidmatan yang disediakan di Politeknik METrO Betong Sarawak.

- i. Bilik Kuliah /TEC /TECC /Makmal
- ii. Pensyarah
- iii. Perpustakaan
- iv. Pejabat Pentadbiran
- v. Kemudahan Asas
- vi. Politeknik

Untuk tujuan kaji selidik ini, data telah dikumpul pada satu tempoh masa iaitu pada bulan Ogos 2024 dari 143 responden dari jumlah sampel sebanyak 230 orang pelajar semester 1 sehingga semester 5 Politeknik METrO Betong Sarawak. Data yang diperoleh dari sampel pelajar berdasarkan kiraan sampel Krejcie dan Morgan dianalisis menggunakan kaedah statistik yang sesuai. Borang kaji selidik diberikan kepada para pelajar melalui penasihat akademik di dalam bentuk borang elektronik (*Google Form*).

Pengukuran di dalam Kajian Kepuasan Pelajar Semasa telah menggunakan Skala Likert 4 mata bagi mengukur skor item yang dikaji. Skala Likert yang digunakan seperti yang dinyatakan di dalam Jadual 1 Skala Likert 4 Mata di bawah:

Jadual 1.0 Skala Likert 4 Mata

Skor	Skala
1	Sangat Tidak Memuaskan
2	Tidak Memuaskan
3	Sederhana
4	Memuaskan

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Bahagian 1: Profil Demografi

Berikut merupakan taburan statistik pelajar Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS) yang telah menjawab Kajian Kepuasan Pelajar Terhadap Fasiliti dan Perkhidmatan Di Politeknik METrO Betong Sarawak (PMBS).

Jadual 1.1 Profil Demografi pelajar Politeknik METrO Betong Sarawak

Profil	Klasifikasi	Frekuensi, N=143	Peratusan (%)
Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti (JPH)	DUP 1A	15	10.5
	DUP 1B	12	8.4
	DUP 2A	25	17.5
	DUP 3A	29	20.3
	DUP 3B	25	17.5
	DUP 4A	12	8.4
	DUP 5A	19	13.3
Jabatan Kewangan dan Perbankan (DKB) / Jabatan Kewangan (DFI)	DFI 1A	3	2.1
	DKB 3A	3	2.1
	DKB 4A	0	0
	DKB 5A	0	0
	Melayu	43	30
Bangsa	Cina	4	2.8
	India	1	0.7
	Iban	60	42
	Bidayuh	9	6.3
	Melanau	9	6.3
	Kayan	6	4.2
	Kenyah	4	2.8
	Dusun	2	1.4
	Bugis	1	0.7
	Bajau	2	1.4
	Lun Bawang	1	0.7
	Melanau/	1	0.7
	Kedayan		

Jadual 1.0 menunjukkan profil demografi pelajar Politeknik METrO Betong Sarawak yang boleh diinterpretasi melalui jabatan dan bangsa.

Bahagian 2: Kepuasan Pelajar Terhadap Keberkesanan Program di Politeknik METrO Betong Sarawak.

Data yang diperoleh diinterpretasi di dalam bentuk figuratif yang dipersembahkan di dalam bentuk jadual. Manakala interpretasi skor purata boleh dibahagikan kepada tiga kategori bacaan, iaitu rendah, medium dan tinggi (Galti, 2017).

Jadual 2.0 : Interpretasi Skor Purata bagi Pelajar Politeknik METrO Betong Sarawak

Kategori	Julat Purata	Interpretasi Skor
Rendah	1.00 - 1.49	Sangat Tidak Memuaskan
	1.50 – 2.49	Tidak Memuaskan
Medium	2.50 – 3.49	Sederhana
Tinggi	3.50 – 4.49	Memuaskan
	4.50 – 5.00	Sangat Memuaskan

Sumber : Adaptasi dari Galti (2017)

2.1 Program Pengajian

Jadual 2.1 : Skor Penilaian Program Pengajian di Politeknik METrO Betong Sarawak

NO.	ITEM	N	SKOR PURATA
1.	Kandungan kurikulum program pengajian adalah bersesuaian dengan keperluan semasa.	143	3.23
2.	Program pengajian yang diikuti menyediakan keperluan yang bersesuaian untuk menghadapi dunia pekerjaan.	143	3.28
3.	Program pengajian yang diikuti dapat mempengaruhi pelbagai aspek seperti peningkatan pengetahuan dan pelbagai kemahiran dan jati diri.	143	3.47
4.	Sistem Penasihat Akademik berfungsi dengan baik.	143	3.64

Berdasarkan Jadual 2.1, skor purata bagi pemboleh ubah program pengajian adalah dalam julat 3.23 ke 3.64 .

Justeru, ini menunjukkan bahawa responden bertanggapan bahawa program pengajian di Politeknik adalah pada tahap yang memuaskan dan dalam kategori tinggi.

Item 4 mencatat skor purata tertinggi apabila sebanyak 64.3% (N=92) responden meletakkan nilai skor pada skala 4 (memuaskan).

2.2 Prestasi Pensyarah

Jadual 2.2 : Skor Penilaian Prestasi Pensyarah di Politeknik METrO Betong Sarawak

NO.	ITEM	N	SKOR PURATA
1.	Pensyarah sentiasa bersedia memberi bantuan.	143	3.65
2.	Layanan yang diberikan oleh pensyarah terhadap pelajar	143	3.54
3.	Pensyarah mudah ditemui / dihubungi.	143	3.46

Berdasarkan Jadual 2.2, skor purata bagi pemboleh ubah pensyarah adalah dalam julat 3.46 ke 3.65 .

Justeru, ini menunjukkan bahawa responden bertanggapan bahawa program pengajian di Politeknik adalah pada tahap yang memuaskan dan dalam kategori tinggi.

Item 1 mencatat skor purata tertinggi apabila sebanyak 65.7% (N=94) responden meletakkan nilai skor pada skala 4 (memuaskan).

Bahagian 3: Maklum balas Fasiliti dan Perkhidmatan yang disediakan di Politeknik METrO Betong Sarawak.

3.1 Bilik Kuliah / TEC / TECC / Makmal

Jadual 3.1 : Skor Penilaian Bilik Kuliah / Dewan Kuliah / Makmal / Bengkel / Poly Pavillion di Politeknik METrO Betong Sarawak

NO.	ITEM	N	SKOR PURATA
1.	Kemudahan peralatan kerusi, meja dan papan putih yang disediakan.	143	3.64
2.	Keperluan peralatan amali yang disediakan.	143	3.41
3.	Persekitaran di dalam Bilik kuliah / TEC / TECC / Makmal.	143	3.51
4.	Peraturan keselamatan penggunaan peralatan dipamerkan.	143	3.48

Berdasarkan Jadual 3.1, skor purata bagi pemboleh ubah pensyarah adalah dalam julat 3.41 ke 3.64 .

Justeru, campuran maklum balas yang diterima menunjukkan responden beranggapan fasiliti untuk proses pembelajaran dan pengajaran adalah dalam keadaan memuaskan. Ini seterusnya menjadi indikator bahawa kepuasan responden adalah dalam kategori tinggi.

Item 1 mencatat skor purata tertinggi apabila sebanyak 64.3% (N=92) responden meletakkan nilai skor pada skala 4 (memuaskan).

3.2 Perpustakaan

Jadual 3.2 : Skor Penilaian Perpustakaan di Politeknik METrO Betong Sarawak

NO.	ITEM	N	SKOR PURATA
1.	Koleksi rujukan di perpustakaan	143	3.38
2.	Layanan di kaunter perpustakaan	143	3.58
3.	Proses peminjaman dan pemulangan	143	3.51
4.	Tempahan bahan sentiasa dipenuhi	143	3.42
5.	Persekitaran di perpustakaan	143	3.62

Berdasarkan Jadual 3.2, skor purata bagi pemboleh ubah perpustakaan adalah dalam julat 3.38 ke 3.62 .

Justeru, campuran maklum balas yang diterima menyumbang kepada peratusan yang menjurus kepada skor memuaskan. Ini seterusnya menjadi indikator bahawa kepuasan responden adalah dalam kategori di antara tinggi.

Skor purata tertinggi dicatat oleh Item 5 apabila hanya 62.2% (N=89) responden meletakkan nilai skor pada skala 4 (memuaskan).

3.3 Hal Ehwal Pelajar

Jadual 3.3 : Skor Penilaian Hal Ehwal Pelajar di Politeknik METrO Betong Sarawak

NO.	ITEM	N	SKOR PURATA
1.	Layanan yang diberikan oleh pegawai Hal Ehwal Pelajar	143	3.48
2.	Urusan di kaunter adalah cepat dan cekap	143	3.47
3.	Maklumat berkaitan perkhidmatan Hal Ehwal Pelajar mudah diperolehi	143	3.48
4.	Maklumat yang diterima dari Hal Ehwal Pelajar adalah tepat	143	3.50

Berdasarkan Jadual 3.3, skor purata bagi pemboleh ubah hal ehwal pelajar adalah dalam julat 3.47 ke 3.50 .

Justeru, campuran maklum balas yang diterima menyumbang kepada peratusan yang menjurus kepada skor sederhana. Ini seterusnya menjadi indikator bahawa kepuasan responden adalah dalam kategori di antara medium .

Skor purata tertinggi dicatat oleh Item 4 apabila hanya 50.3% (N=72) responden meletakkan nilai skor pada skala 4 (memuaskan).

3.4 Pejabat Pentadbiran

Jadual 3.4 : Skor Penilaian Pejabat Pentadbiran di Politeknik METrO Betong Sarawak

NO.	ITEM	N	SKOR PURATA
1.	Layanan yang diberikan di kaunter pentadbiran	143	3.49
2.	Urusan di kaunter adalah cepat dan cekap	143	3.49
3.	Pegawai berkaitan mudah ditemui	143	3.43

Berdasarkan Jadual 3.4, skor purata bagi pemboleh ubah pejabat pentadbiran adalah dalam julat 3.43 ke 3.49 .

Justeru, ini menunjukkan bahawa responden bertanggapan bahawa perkhidmatan di pejabat pentadbiran di Politeknik adalah pada tahap sederhana dan dalam kategori medium.

Item 2 mencatat skor purata tertinggi apabila hanya 51.7% (N=74) responden meletakkan nilai skor pada skala 4 (memuaskan).

3.5 Kemudahan Asas

Jadual 3.5 : Skor Penilaian Kemudahan Asas di Politeknik METrO Betong Sarawak

NO.	ITEM	N	SKOR PURATA
1.	Kemudahan tandas	143	3.51
2.	Tahap kebersihan tandas	143	3.48
3.	Kemudahan tempat letak kenderaan	143	3.45
4.	Kemudahan internet	143	2.81

Berdasarkan Jadual 3.5, skor purata bagi pemboleh ubah kemudahan asas adalah dalam julat 2.81 ke 3.51 .

Justeru, campuran maklum balas yang diterima menyumbang kepada peratusan yang menjurus kepada skor sederhana. Ini seterusnya menjadi indikator bahawa kepuasan responden adalah dalam kategori di antara medium.

Skor purata tertinggi dicatat oleh Item 4 apabila hanya 39.9% (N=57) responden meletakkan nilai skor pada skala 3 (sederhana).

3.6 Politeknik

Jadual 3.6 : Skor Penilaian Institusi Politeknik METrO Betong Sarawak

NO.	ITEM	N	SKOR PURATA
1.	Tahap Keselamatan	143	3.30
2.	Pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi	143	3.48
3.	Suasana semasa belajar di politeknik	143	3.38
4.	Aktiviti/ program yang dilaksanakan	143	3.49

Berdasarkan Jadual 3.6, skor purata bagi pemboleh ubah politeknik adalah dalam julat 3.30 ke 3.49 .

Justeru, ini menunjukkan bahawa responden bertanggapan bahawa program pengajian di Politeknik adalah pada tahap yang memuaskan dan dalam kategori tinggi.

Item 4 mencatat skor purata tertinggi apabila sebanyak 52.4% (N=75) responden meletakkan nilai skor pada skala 4 (memuaskan).

KESIMPULAN

Hasil kajian menunjukkan tahap kepuasan pelajar Politeknik METrO Betong, Sarawak terhadap kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan adalah memuaskan. Kepuasan pengguna menjadi salah satu indikator penting dalam menilai kualiti produk dan perkhidmatan yang disediakan oleh sesebuah organisasi, sekali gus membina kepercayaan pengguna.

Untuk meningkatkan kualiti kemudahan ini, pihak pengurusan perlu memastikan ketersediaan infrastruktur seperti bilik kuliah, dewan, makmal komputer, serta peralatan asas seperti kerusi, meja, dan peralatan amali. Kekurangan peralatan tersebut berpotensi mengganggu kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran, yang merupakan teras utama perkhidmatan institusi ini.

Di samping itu, kesedaran pelajar dalam menjaga kemudahan yang disediakan juga memainkan peranan penting. Penerapan amalan penjagaan kemudahan di dalam kelas dapat membantu membentuk sikap bertanggungjawab, serta memastikan mereka dapat memanfaatkan kemudahan tersebut secara optimum.

RUJUKAN

Galti, Alhaji. (2017). Awareness of students' on the use of affective strategy and their level of speaking anxiety. International Journal of Multidisciplinary Research and Development. 3. 2349-4182. Diambil dari https://www.researchgate.net/publication/312234661_Awareness_of_students%27_on_the_use_of_affective_strategy_and_their_level_of_speaking_anxiety



SIDANG REDAKSI



Penaung :

Ts.Shirley anak Phillip

Penasihat & Ketua Editor :

Emirudziawati binti Juni

JK Editorial :

Emilyn anak Nojen

Evelyn anak Frankling Tegik

Dijah anak Dugat

Fazika binti Hamid

JK Rekabentuk & Grafik:

Jaidil bin Darapa

JK Multimedia:

Gregory anak Nelson Awai



HEBAHAN



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



DIPLOMA PENGURUSAN PELANCONGAN (DUP)

KETERANGAN

Diploma Pengurusan Pelancongan (DUP) dibangunkan untuk pelajar dengan pelbagai komponen industri di dalam bidang pelancongan. Program ini ditawarkan selama 3 tahun iaitu bersamaan dengan 6 semester. Pelajar juga akan menjalani latihan industri (LI) pada semester 6 bertujuan untuk mendedahkan para pelajar dengan pengetahuan alam pekerjaan dan kecekapan mereka bagi melahirkan seorang graduan yang inovatif, kreatif serta mempunyai keupayaan untuk menghadapi pelbagai cabaran dan masalah di bidang pekerjaan.



BIDANG PEKERJAAN

1. Pegawai Pelancongan
2. Koordinator Taman
3. Pentafsir Alam Semulajadi
4. Penyelia Taman Tema
5. Penyelia Perjalanan dan Pelancongan
6. Penyelia Kemudahan Rekreasi
7. Personel Jualan dan Pemasaran Pelancongan
8. Perunding Pembangunan Pakej Pelancongan
9. Penyelia/Penyelaras Pengurusan Acara
10. Usahawan dalam Perniagaan Pelancongan
11. Penyelia / Pengajar / Fasilitator Program Pelancongan



SYARAT KELAYAKAN

LEPASAN SPM

- ◆ Warganegara Malaysia
- ◆ Memiliki SPM atau setaraf
- ◆ Lulus Sejarah (SPM 2013 dan ke atas)
- ◆ Lulus Bahasa Inggeris
- ◆ Lulus Bahasa Melayu
- ◆ Mendapat TIGA (3) kepujian dalam mana-mana mata pelajaran
- ◆ Calon tidak mempunyai ketidakupayaan penglihatan (buta), pendengaran, fizikal atau pembelajaran yang menyukarkan kerja-kerja amali

LULUSAN SELAIN SPM

- ◆ Warganegara Malaysia
- ◆ Lulus pengajian di peringkat Sijil yang diiktiraf MQA/COPTA/Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan; dan
- ◆ Lulus SPM dengan mendapat SATU (1) KEPUJIAN dalam mana-mana mata pelajaran
- ◆ Calon tidak mempunyai ketidakupayaan penglihatan (buta, buta warna), pendengaran, pertuturan, fizikal atau masalah pembelajaran yang menyukarkan kerja-kerja amali

MAKLUMAT TAMBAHAN

- Jangka Masa Pengajian **3 tahun (6 Semester)**
- Yuran pengajian **RM200/semester**

UNTUK MAKLUMAT LANJUT SILA HUBUNGI :



083-472676



<https://www.pmb.edu.my/v3/>



[politeknikmetrobetongsarawak](https://www.instagram.com/politeknikmetrobetongsarawak)



[PolyMETrO Betong Sarawak](https://www.youtube.com/PolyMETrO%20Betong%20Sarawak)



[politeknikmetrobetong](https://www.tiktok.com/@politeknikmetrobetong)



[Politeknik METrO Betong Sarawak](https://www.facebook.com/PoliteknikMETrO%20Betong%20Sarawak)



DIPLOMA KEWANGAN (DFI)

KETERANGAN:

Diploma kewangan dibangunkan untuk pelajar bagi memahami tentang pengurusan kewangan, menganalisa kewangan dan mengkaji pasaran kewangan.

Program ini bertujuan untuk menyediakan pelajar supaya mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang penting untuk membuat keputusan mengenai kewangan.

Selepas tamat pengajian pelajar akan mempunyai pengetahuan kewangan yang dinamik selari dengan kehendak industri.

BIDANG PEKERJAAN:

KERAJAAN

- Pembantu Kewangan, Kementerian Kewangan (MOF)
- Kewangan dan Pembantu Tadbir di pelbagai agensi kerajaan seperti:
 - a. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)
 - b. Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)
 - c. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)
 - d. Jabatan Hasil Dalam Negeri (IRD)
- Pendidik, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

BEKERJA SENDIRI

- Usahawan
- Penasihat Kewangan

KORPORAT

- Penolong Eksekutif Kewangan
- Penolong Penganalisis Perancangan Kewangan
- Eksekutif Jualan/Pembangunan Perniagaan
- Pegawai Perkhidmatan pelanggan
- Penolong Pegawai Pinjaman Pengguna
- Broker Saham/Remisier Junior
- Penolong Penganalisis Kredit
- Penolong Pegawai Pemulihan Pinjaman
- Pembantu Akaun
- Juruwang bank
- Pelatih pengurusan

SYARAT KEMASUKAN:

Lulusan SPM

1. Warganegara Malaysia
2. Memiliki SPM atau setaraf
3. Lulus Bahasa Melayu
4. Lulus Sejarah (SPM 2013 dan ke atas)
5. Lulus Bahasa Inggeris
6. Mendapat TIGA (3) kepujian dalam mata pelajaran berikut:
 - a. Matematik
 - b. DUA (2) dalam mana-mana matapelajaran
7. Calon tidak mempunyai ketidakupayaan penglihatan (buta, buta warna), pendengaran, fizikal atau pembelajaran yang menyukarkan kerja-kerja amali

Lulusan Selain SPM

1. Warganegara Malaysia
2. Lulus pengajian peringkat Sijil yang diiktiraf MQA/Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan dan lulus SPM dengan mendapat kredit dalam matapelajaran Matematik; ATAU
3. Lulus Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan gred minimum C [Kumulatif Gred Purata Nilai (CGPA) 2.00] dalam mana-mana subjek atau kelayakan yang setaraf dengannya; ATAU
4. Lulus Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dengan gred minimum Maqbul (Lulus); ATAU
5. Memiliki Sijil APEL (Accreditation of Prior Experiential Learning) daripada MQA untuk kemasukan ke diploma (Tahap4) dan mempunyai pengalaman kerja dalam bidang yang berkaitan; ATAU
6. Calon tidak mempunyai ketidakupayaan penglihatan (buta, buta warna), pendengaran, fizikal atau masalah pembelajaran yang menyukarkan kerja-kerja amali

MAKLUMAT TAMBAHAN : Jangka Masa Pengajian **3 tahun (6 Semester)** | Yuran pengajian **RM200/semester**



<https://www.pmbes.edu.my/v3/>



PolyMETRO Betong Sarawak



Politeknik METRO Betong Sarawak

UNTUK MAKLUMAT LANJUT SILA HUBUNGI :



politeknikmetrobetongsarawak



politeknikmetrobetong



083-472676



Politeknik METrO Betong Sarawak
1-12, Fasa 2, Bandar Baru Betong,
Jalan Baru Betong,
95700, Betong, Sarawak



<https://www.pmbs.edu.my>



<https://www.facebook.com/PMBSEdu>



adminpmbs@pmbs.edu.my



politeknikmetrobetong



PolyMETrO Betong Sarawak



https://www.tiktok.com/@politeknikmetrobetong._



083-472676



083-472991

eISSN 2735-1793



9 772735 179009